

08 APR 1999

Mahathir-Pulih

MAHATHIR SEGAR DAN SEMAKIN PULIH

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) Jumaat lepas kerana infeksi paru-paru, kini kelihatan segar dan semakin pulih.

Malah beliau sudah pasti ke pejabat kalaulah tidak kerana nasihat doktornya supaya beliau berehat sepenuhnya dan betul-betul sembuh sebelum membenarkan beliau kembali memenuhi jadual kerja yang selalunya ketat itu.

Pejabat Perdana Menteri membenarkan wartawan dan jurugambar Bernama dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk mengunjungi Dr Mahathir di wadnya di IJN petang ini.

Ketika itu Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa orang anak dan cucu mereka sedang melihat perutusan dan kad ucap selamat yang dikirimkan kepada beliau.

Dr Mahathir kemudian bersetuju agar RTM merakamkan ucapan "terima kasih" beliau kepada mereka.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang telah mendoakan supaya beliau segera sembuh dan yang telah menghantar jambangan bunga, kad, perutusan, e-mail dan membuat panggilan telefon untuk bertanyakan keadaan kesihatannya.

"Alhamdulillah, keadaan saya bertambah baik ... selera saya juga semakin baik. Semua pihak tidak perlu bimbang."

Dr Mahathir berkata beliau mendapat rawatan yang sangat baik daripada doktor tempatan, jururawat dan kakitangan lain.

Perdana Menteri berkata beliau ingin kembali bertugas tetapi doktornya mahu beliau berehat seketika lagi.

"Saya akan kembali bertugas tak lama lagi," kata Perdana Menteri yang berumur 73 tahun itu, yang nampaknya terus mengikuti perkembangan di dalam dan luar negara walaupun berada dalam wad. Terdapat selonggok akhbar terbitan hari ini di biliknya.

Dr Mahathir juga terharu menerima perutusan ucap selamat melalui Internet daripada Azhar Mansor, rakyat Malaysia yang sedang mencuba mengelilingi dunia dengan pelayaran solo tanpa henti mengikut laluan Timur-Barat-Timur.

"Saya harap beliau berjaya," kata Dr Mahathir, yang merupakan penaung cabaran Jalur Gemilang itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengunjungi Dr Mahathir hari ini tetapi doktor masih tidak membenarkan Perdana Menteri menerima pelawat biasa.

Sementara itu, antara mereka yang telah menghantar perutusan ucap selamat kepada Dr Mahathir ialah Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif dan Perdana Menteri Taiwan Vincent Siew.

Dr Mahathir juga ketihatan gembira apabila Dr Siti Hasmah menunjukkan kad daripada Majlis Peguam Malaysia.

Perdana Menteri dimasukkan ke IJN dua hari selepas kembali daripada menunaikan haji di Mekah pada 31 Mac.

Menurut doktor, agak biasa bagi jemaah haji dari Malaysia mendapat infeksi paru-paru kerana keadaan cuaca yang panas dan kering di Arab Saudi.

"Adalah perkara biasa bagi jemaah haji yang baru pulang untuk mengalami keadaan itu selama satu atau dua minggu," kata seorang doktor yang tidak mahu namanya disiarkan.

-- BERNAMA

SJ NMO